PRAKTIS 2

Baca petikan di bawah dengan intonasi yang betul. Kemudian, isi tempat kosong dengan kosa kata yang diberikan.

persekitaran	melanda	berbahaya	pencegahan
berlarutan	penyebaran	mengutamakan	longgokan

Wabak penyakit berjangkit yang **(1)** _____ negara ini seperti penyakit taun, malaria, denggi, dan selesema babi telah mengorbankan nyawa penduduk Malaysia. Wabak penyakit ini merebak disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak **(2)** _____ kebersihan dalam kehidupan seharian mereka.

Sesetengah masyarakat membiarkan sahaja longkang di kawasan rumah bertakung sehingga beberapa bulan. Air yang bertakung menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes yang berbahaya. Pembiakan nyamuk ini telah membawa kepada **(3)** _____ demam denggi. Jika lambat dihantar ke hospital boleh menyebabkan kematian. Wabak penyakit seperti demam denggi akan terus merebak kerana masyarakat kita tidak membersihkan kawasan **(4)** _____ kediaman.

Amalan membuang sampah merata-rata juga menjadi punca merebaknya penyakit berjangkit. Apabila amalan ini **(5)** _____ sudah pasti terdapat **(6)** _____ sampah di kawasan perumahan yang menjadi tempat pembiakan tikus dan lalat. Sikap membuang sampah tanpa kawalan ini menyebabkan negara kita terus mengalami pelbagai jenis wabak penyakit yang **(7)** _____.

Sikap tidak peduli masyarakat ini bolehlah disamakan dengan peribahasa "sudah terhantuk baru tengadah" kerana hanya mengambil langkah **(8)** _____ setelah penyakit itu merebak atau berlaku dalam kalangan keluarga sendiri.

LIVEWORKSHEETS